

38

SOALAN NO: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH

TARIKH: 22 MAC 2018

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memperkenalkan undang-undang spesifik untuk melindungi pekerja-pekerja asing seperti pembantu rumah daipada penderaan oleh majikan dan sekiranya ya, apakah cadangan tersebut.

PR-1361-L05454

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Perlindungan dan hak pekerja asing dan pembantu rumah asing telah diperuntukkan dalam undang-undang perburuhan Negara sedia ada seperti Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh Sarawak dan Ordinan Buruh Sabah, Akta Pampasan Pekerja 1957 dan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981. Bagi kes-kes yang melibatkan unsur jenayah, Malaysia telah pun mempunyai Kanun Keseksaan yang turut merangkumi siasatan, pendakwaan dan hukuman ke atas tindakan penderaan.
2. Pada masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia akan memperkasakan aktiviti penguatkuasaan dan meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab majikan kepada pekerja asing dan pembantu rumah asing. Sehubungan itu, buat masa ini, undang-undang sedia ada adalah mencukupi bagi menangani isu penderaan pekerja asing dan pembantu rumah asing.